

01 APR 2001

Uniten-cawangan

KAMPUS CAWANGAN UNITEN DI MUADZAM SHAH

MUADZAM SHAH, 1 April (Bernama) -- Kampus cawangan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) akan ditempatkan di Muadzam Shah dengan menggunakan kemudahan infrastruktur yang telah dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA).

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis berkata keputusan itu dibuat memandangkan prasarana yang masih ada setelah penutupan DARA beberapa tahun lepas masih boleh dimanfaatkan dan ianya telah dipersetujui oleh kerajaan negeri Pahang.

"Kita berhasrat supaya Uniten mempunyai dua kampus iaitu kampus utama di Kuala Lumpur untuk jurusan kejuruteraan manakala di Pahang pula menawarkan jurusan pengurusan dan perakaunan," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata pengambilan pertama seramai 300 pelajar akan dimulakan Jun ini dengan menggunakan kemudahan bangunan-bangunan pejabat DARA, Felda dan beberapa agensi lain yang kini telah dikosongkan.

Katanya dalam masa lima tahun, kampus cawangan itu boleh menempatkan sehingga 3,000 pelajar yang mengikuti program diploma dan ijazah pertama.

Dr Jamaluddin, yang juga Anggota Parlimen Rompin berkata pembukaan cawangan universiti itu dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Muadzam Shah dan kawasan persekitarannya selain memberi peluang kepada pelajar luar bandar melanjutkan pendidikan di pusat pengajian tinggi.

"Kita merasakan sekiranya RM100 juta dilaburkan di Kuala Lumpur, kesannya tidak begitu baik berbanding jika jumlah pelaburan yang sama dibuat di luar bandar untuk dinikmati oleh lebih banyak lapisan masyarakat," katanya.

Katanya, pada peringkat pertama, TNB akan membelanjakan RM50 juta untuk mengubahsuai bangunan sedia ada untuk dijadikan kuliah dan asrama manakala fasa kedua pembangunannya merangkumi pembinaan bangunan kuliah serta asrama yang baru.

Perasmian Uniten cawangan Muadzam Shah itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara persidangan video di Kuala Lumpur pada 11 Mei ini.

Sementara itu, TNB akan menerima penghantaran pertama 1,000 tan minyak sawit mentah daripada Kementerian Perusahaan Utama pada 12 Mei ini di Stesen Janakuasa Elektrik Prai untuk dijadikan bahan bakar.

Dr Jamaluddin berkata penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan api itu bukanlah untuk mengurangkan kos operasi TNB, sebaliknya merupakan tanggungjawab sosial syarikat berkenaan untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit mentah.

Pada 8 Mac lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan akan menggalakkan penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar alternatif oleh pihak industri serta stesen janakuasa elektrik TNB dan penjana bebas bagi mengurangkan stok minyak kelapa sawit sebanyak 400,000 tan.

Penggunaan minyak sawit itu merupakan langkah segera bagi menangani masalah kejatuhan harga minyak sawit dan nasib petani berpendapatan rendah.

-- BERNAMA

ROS RI